

## Terma dan Syarat Kempen Pendaftaran *Privilege Banking* UOB Malaysia

### **Kemas kini kepada Terma dan Syarat:**

*Perkara berikut telah dikemas kini dan Terma dan Syarat akan berkuatkuasa mulai 22 Februari 2022:*

*a) Tempoh Kempen akan berakhir pada 28 Feb 2022.*

1. United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (No. Syarikat 271809-K) (“UOB Malaysia”) sedang menjalankan Kempen Pendaftaran *Privilege Banking* (“PV”) (“Kempen”) dari 1 Jan 2022 hingga 28 Feb 2022 (termasuk kedua-dua tarikh) atau tarikh lain sedemikian yang mungkin ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa (“Tempoh Kempen”).

### **Kelayakan**

2. Kempen ini dibuka kepada semua pelanggan individu UOB Malaysia (“Pelanggan yang Layak”).
3. Individu seperti berikut tidak layak untuk menyertai Kempen:
  - (a) Pelanggan individu PV UOB Malaysia yang sedia ada;
  - (b) Pemilikan tunggal, perkongsian, pertubuhan/persatuan bukan untung/kebajikan, pelanggan korporat dan komersial; dan
  - (c) Kakitangan tetap dan berkontrak UOB Malaysia (termasuk anak syarikat UOB Malaysia dan syarikat berkaitan).
  - (d) Individu yang tidak siaman atau menjadi tidak siaman, meninggal dunia, jatuh bankrap atau mempunyai prosiding undang-undang dalam sebarang bentuk yang dilaksanakan terhadap mereka.

### **Kaedah dan Syarat Pendaftaran**



4. Pelanggan yang Layak mendaftar sebagai PV baru dan mesti memenuhi mana-mana satu daripada kriteria berikut (“Kriteria Kelayakan”):

Segmen	Pelanggan UOB Malaysia Baru (“NTB”)	Pelanggan UOB Malaysia Sedia Ada (“ETB”)
PV	i. menempatkan Dana Baru sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu (RM500,000) dengan UOB Malaysia; dan ii. memenuhi Aset Di Bawah Pengurusan (“AUM”) sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu (RM500,000); dan iii. membuka Akaun Privilege Account (“PVA”) / Akaun Stash	i. menempatkan Dana Baru sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000) dengan UOB Malaysia; dan ii. memenuhi AUM sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu (RM500,000); dan iii. membuka Akaun Privilege Account (“PVA”) / Akaun Stash

5. “Dana Baru” bermakna wang atau dana dalam Ringgit Malaysia yang bagaimana sekalipun dipindah, dikreditkan atau dibayar ke dalam akaun Pelanggan yang Layak daripada bank dan/atau institusi kewangan lain melalui apa-apa cara termasuk tetapi tidak terhad kepada wang tunai, Pindahan Giro Antara Bank, Pindahan Segera Antara Bank, pengutipan dan pembayaran cek yang dikeluarkan oleh bank lain sedemikian dan di mana wang atau dana sedemikian yang dibayar atau dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan yang Layak digunakan oleh Pelanggan yang Layak untuk melakukan penempatan menurut terma dan syarat yang terkandung di sini dalam tempoh tujuh (7) hari perniagaan selepas wang atau dana sedemikian telah dibayar atau dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan yang Layak. Dana yang dipindahkan dari mana-mana akaun simpanan/semasa/deposit tetap/Mata Wang Asing sedia ada UOB Malaysia atau dalam

bentuk cek, perintah jurubank atau draf permintaan UOB Malaysia dan bukannya Dana Baru tidak layak untuk Kempen ini.

6. Aset Di Bawah Pengurusan (“AUM”) merujuk kepada deposit dan pelaburan yang termasuk akaun simpanan, akaun semasa, akaun deposit tetap, unit amanah, bon runcit, pelaburan berstruktur jangka panjang, pelaburan berstruktur jangka pendek dan pelaburan dwi mata wang (atau deposit dan pelaburan sedemikian yang mungkin ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa).
7. Semasa Tempoh Kempen, Pelanggan yang Layak yang memenuhi Kriteria Kelayakan untuk WB akan layak menerima Hadiah Selamat Datang seperti di bawah:-

Segmen		AUM Minimum (RM)	Hadiah Selamat Datang
PV	NTB & ETB	500,000	Set Hadiah PV 
PV (PV Nilai Tinggi)	NTB Sahaja	2,000,000	1 unit Baucar Membeli-belah bernilai RM1,000 

8. Setiap Pelanggan yang Layak dibenarkan untuk menebus satu (1) Hadiah Selamat Datang yang digambarkan dalam jadual sekali sepanjang Tempoh Kempen pada dasar tiba dahulu layanan dahulu, tertakluk kepada ketersediaan, dan hanya pemegang akaun utama akan layak menebus Hadiah Selamat Datang tersebut.
9. Pelanggan yang Layak yang ingin menebus Baucar Membeli-belah mesti memastikan bahawa Dana Baru yang dimasukkan ke dalam akaun simpanan dan/atau akaun semasa akan diperuntukkan selama tiga (3) bulan dan/atau untuk penempatan deposit tetap, ia mestilah untuk tempoh tiga (3) bulan dan ke atas
10. Sekiranya pelaburan dalam mana-mana satu Unit Amanah (“UT”) dibatalkan oleh Pelanggan yang Layak semasa hak “bertenang” masing-masing, Pelanggan yang Layak tidak akan layak menerima Hadiah Selamat Datang.

Hak “bertenang” Dana UT bermakna:-

- (a) Mana-mana pelanggan yang melabur buat kali pertama dalam apa-apa Dana UT dengan UOB Malaysia berhak untuk menguatkuasakan hak “bertenang” sekali sahaja. Hak “bertenang” ini tidak boleh digunakan oleh pelanggan yang sama untuk sebarang pelaburan seterusnya dalam Dana UT dengan UOB Malaysia.
- (b) Jika Pelanggan NTB yang Layak memilih untuk tidak meneruskan pelaburan dalam Dana UT yang layak dalam tempoh “bertenang”, Pelanggan yang Layak akan mendapat balik jumlah pelaburan dalam Dana UT yang layak dan juga caj perkhidmatan Dana UT yang telah dibayar.

- (c) Tempoh “bertenang” ialah untuk tempoh enam (6) Hari Perniagaan bermula dari tarikh penerimaan permohonan Dana UT oleh UOB Malaysia.

“Hari Perniagaan” bermakna hari di mana UOB Malaysia dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur, Malaysia.

11. UOB Malaysia berhak untuk meluluskan atau menolak sebarang permohonan untuk WB dan/atau pembukaan akaun UOB Malaysia oleh Pelanggan yang Layak tanpa memberikan apa-apa sebab dan tanpa menanggung sebarang liabiliti kepada Pelanggan yang Layak.
12. Kempen ini tidak sah dengan mana-mana kempen/promosi UOB Malaysia lain dan kadar khas, tambahan atau istimewa yang lain tidak akan diberikan di bawah Kempen ini.

### **Pemenuhan Hadiah Selamat Datang**

13. Pelanggan yang Layak atau individu yang dibenarkan Pelanggan yang Layak akan dimaklumkan mengenai Hadiah Selamat Datang mereka melalui telefon dalam tempoh lapan (8) minggu selepas bulan pendaftaran WB mereka mengikut terma dan syarat ini, melalui nombor telefon terkini yang diberikan kepada UOB Malaysia seperti yang dinyatakan dalam rekod UOB Malaysia. Pelanggan yang Layak berhak mengutip Hadiah Selamat Datang di cawangan di mana Akaun yang Layak dikekalkan selepas menerima pemberitahuan mengenai Hadiah Selamat Datang daripada UOB Malaysia.
14. Hadiah adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
- (a) Pelanggan yang Layak mesti mengutip Hadiah Selamat Datang yang akan disediakan untuk dikutip di cawangan UOB Malaysia di mana Akaun yang Layak dikekalkan oleh Pelanggan yang Layak dalam tempoh dua belas (12) minggu dari akhir Tempoh Kempen, pada kos dan perbelanjaan mereka sendiri. Jika tidak, Pelanggan yang Layak akan dianggap telah menerima Hadiah Selamat Datang dan tidak mempunyai hak untuk mengambil tindakan terhadap UOB Malaysia. UOB Malaysia tidak akan melayan sebarang permintaan untuk menghantar Hadiah Selamat Datang melalui kurier.
  - (b) Pengutipan Hadiah Selamat Datang oleh Pihak Ketiga perlu dilakukan di cawangan masing-masing dengan persetujuan Pelanggan yang Layak terlebih dahulu;
  - (c) UOB Malaysia tidak wajib mengganti Hadiah Selamat Datang yang rosak atau dicuri. Hadiah Selamat Datang tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang tunai, kredit atau barangan lain, sebahagian atau keseluruhan;
  - (d) UOB Malaysia berhak untuk mengganti atau mengubah Hadiah Selamat Datang dengan hadiah / baucer alternatif dengan nilai yang serupa pada bila-bila masa dengan pemberitahuan sebelumnya;
  - (e) Hadiah Selamat Datang tertakluk pada terma dan syarat organisasi yang produknya diberikan sebagai Hadiah Selamat Datang dalam Kempen ini; dan
  - (f) UOB Malaysia tidak berafiliasi dengan mana-mana organisasi yang produknya diberikan sebagai Hadiah Selamat Datang dalam Kempen ini.
  - (g) UOB Malaysia tidak membuat perwakilan atau jaminan berkenaan dengan Hadiah Selamat Datang, dan secara khusus, tidak membuat jaminan berkenaan dengan kualiti Hadiah Selamat Datang atau kesesuaiannya untuk tujuan apa pun;
  - (h) UOB Malaysia tidak bertanggungjawab atas sebarang kecacatan atau ketidakpuasan terhadap kualiti Hadiah Selamat Datang;
  - (i) UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan akibatnya, dari sebarang sifat dan bagaimanapun timbul, kecelakaan, kecederaan atau kemalangan yang mungkin berlaku dalam penggunaan Hadiah Selamat Datang yang diterima dalam Kempen ini; dan
  - (j) UOB Malaysia sama sekali tidak menyokong, mengesahkan, menyetujui atau menyokong penggunaan jenama Welcome Gift atau jenis produk.

15. Sebarang kelengkapan, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama dengan Hadiah Selamat Datang dalam semua bahan cetak, laman web atau di cawangan UOB Malaysia adalah untuk tujuan hiasan sahaja dan tidak membentuk sebahagian daripada Hadiah Selamat Datang.
16. Pelanggan yang Layak dinasihatkan untuk memeriksa Hadiah Selamat Datang apabila menerimanya. Hadiah Selamat Datang tidak diperakui oleh UOB Malaysia dan penyertaan Hadiah Selamat Datang dalam Kempen ini tidak boleh dianggap dalam apa-apa keadaan sekalipun sebagai pengendorsan atau cadangan Hadiah Selamat Datang oleh UOB Malaysia. Jika Pelanggan yang Layak tidak berpuas hati dengan Hadiah Selamat Datang atau dengan kualitinya, Pelanggan yang Layak harus mengambil tindakan secara langsung dengan pembekal Hadiah Selamat Datang tersebut.
17. Jika mana-mana individu didapati kemudiannya bahawa beliau tidak layak untuk menyertai Kempen ini, atau telah gagal memenuhi apa-apa syarat yang terkandung di sini, UOB Malaysia berhak untuk mendapat balik nilai penuh Hadiah yang ditebus oleh individu tersebut, atau untuk membatalkan hak individu tersebut untuk mendapat Hadiah jika ia belum lagi ditebus. Jika mana-mana individu menebus sebarang Hadiah yang tidak layak diterima oleh individu tersebut, UOB Malaysia berhak untuk mendapat balik nilai penuh Hadiah daripada individu tersebut. Jika manamana individu gagal untuk menebus Hadiah dalam tarikh akhir yang ditetapkan (sekiranya ada dan jika berkenaan), UOB Malaysia berhak untuk membatalkan hak individu tersebut untuk mendapat Hadiah. Tidak ada sesiapa pun berhak untuk menerima sebarang bayaran atau pampasan daripada UOB Malaysia, sekiranya sebarang Hadiah dibatalkan.

#### **Terma dan Syarat Am**

18. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat oleh terma dan syarat ini, Terma dan Syarat yang Mentadbir Akaun dan Perkhidmatan (Perbankan Konvensional) dan Terma dan Syarat yang Mentadbir Akaun dan Perkhidmatan Islamik dan Terma dan Syarat Keahlian *Privilege Banking* dan *Wealth Banking* (secara kolektif "T&C Mentadbir Akaun dan Perkhidmatan") termasuk apa-apa pindaan atau perubahan kepadanya dan keputusan UOB Malaysia berkaitan dengan apa-apa perkara yang berkaitan dengan Kempen adalah muktamad, konklusif dan mengikat Pelanggan yang Layak. Jika terdapat sebarang percanggahan di antara Terma dan Syarat dan T&C Mentadbir Akaun dan Perkhidmatan, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.
19. Pelanggan Yang Layak perlu mendapatkan penjelasan daripada wakil UOB Malaysia yang diberi kuasa jika terdapat sebarang terma dan syarat yang tidak difahami oleh Pelanggan Yang Layak.
20. Penempatan deposit adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit. Pelanggan yang Layak boleh mendapatkan salinan risalah PIDM dari mana-mana cawangan UOB Malaysia. UOB Malaysia adalah ahli PIDM.
21. Pelaburan dalam Dana UT, bon runcit, pelaburan berstruktur jangka panjang, pelaburan berstruktur jangka pendek dan pelaburan dwi mata wang ini tidak dilindungi oleh PIDM.
22. UOB Malaysia tidak bertanggungjawab dan tidak menanggung sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen dan/atau Hadiah Selamat Datang, kecuali disebabkan oleh kecuaiannya melampau atau salah laku sengaja UOB Malaysia yang berkaitan khususnya dengan Kempen ini dan/atau Hadiah Selamat Datang.

23. UOB Malaysia tidak bertanggungjawab untuk sebarang salah nyata atau salah tafsir fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berhubung dengan Kempen dan/atau Hadiah Selamat Datang yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
24. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOB Malaysia dengan jelas mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, jaminan atau pengendorsan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada apa-apa yang tercetak dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan tertentu berhubung dengan Kempen ini dan Hadiah Selamat Datang.
25. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini dan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan dengan atau berhubung dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan dikekalkan.
26. UOB Malaysia berhak, pada budi bicara mutlaknya, untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen sebelum tamat Tempoh Kempen, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan Kempen oleh UOB Malaysia tidak memberikan hak kepada Pelanggan yang Layak untuk melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOB Malaysia untuk sebarang dan semua kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan sedemikian, kecuali disebabkan oleh kecuaiian melampau atau salah laku sengaja UOB Malaysia yang berkaitan khususnya dengan Kempen ini dan/atau Hadiah Selamat Datang.
27. UOB Malaysia berhak untuk menambah, mengeluarkan, menggantung atau mengubah terma dan syarat Kempen, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak melalui paparan pada laman web UOB Malaysia, penampilan notis di mana-mana cawangan UOB Malaysia, dan/atau kenyataan yang dimasukkan ke dalam Penyata Akaun atau apa-apa cara lain yang mungkin ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa.
28. Terma dan syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

**[TAMAT]**